

HARI : SELASA
 TARikh : 25/6/2019
 M/SURAT : 5



LIM GUAN ENG (dua dari kiri) menyerahkan cek kepada A. Samad Said dalam Majlis Perayaan Elaun Penghargaan Bulanan Sasterawan Negara di Putrajaya, semalam. Turut sama, Anwar Ibrahim (tengah) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (kiri). - BERNAMA

Sasterawan Negara terima elaun bulanan

Oleh SOFIAN BAHAROM
dan JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 24 JUN

SEBANYAK tujuh Sasterawan Negara menerima Elaun Penghargaan Bulanan berjumlah RM5,000 seorang sebagai tanda pengiktirafan kerajaan terhadap usaha dan sumbangan mereka.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan bersetuju meluluskan peruntukan tambahan itu kepada Kementerian Pendidikan untuk pembiayaan elaun berkenaan.

Sasterawan Negara terlibat adalah Datuk Seri Dr. A. Samad Said, Prof. Emeritus Dr. Muhammad Salleh, Datuk Noordin Hassan, Datuk Dr. Mohd. Anwar Ridhwan, Datuk Dr. Ahmad Khamal Abdullah (Kemala), Datuk Dr.

Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan Datuk Dr. Zurinah Hassan.

"Kerajaan justeru itu telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM5,000 sebulan seorang (RM35,000 dari Julai hingga Disember) kepada Kementerian Pendidikan untuk tujuan elaun ini.

"Bayaran bulanan RM5,000 ini akan diteruskan pada tahun berikutnya," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyerahan Elaun Penghargaan Bulanan RM5,000 Kepada Sasterawan Negara di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Guan Eng, pemberian itu merupakan elaun tambahan baharu yang merupakan satu penghargaan terhadap peranan mereka dalam membina bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang menyatukan bangsa.

"Penghargaan ini diharapkan dapat membantu, menjamin kebijakan, memastikan kesejahteraan dan memberi keselesaan kepada kesemua Sasterawan Negara.

"Malah diharapkan agar mereka dapat terus menyumbang idea pemikiran, keilmuan dan sumbangan karya bermutu tinggi untuk tatapan masyarakat," katanya.

Ujar Guan Eng, Anugerah Sastera Negara adalah cetusan idea Anwar ketika menjadi Menteri Pendidikan dengan memberi pelbagai kemudahan kepada Sasterawan Negara iaitu sebagai satu tanda pengiktirafan kerajaan.

Katanya, antara kemudahan itu adalah wang tunai sebanyak RM60,000, perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan dan kemudahan serta keselesaan untuk kegiatan mencipta.